

# Graduan OKU berjaya tamat pengajian

**KUALA LUMPUR 3 Nov.** - Kekurangan diri tidak menghalang seorang gadis orang kurang upaya (OKU), Nurbaitul Izzah Nordin, 25, berjaya menamatkan pengajiannya dalam Majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-39 hari ini.

Menurut graduan Ijazah Sarjana Muda Biologi yang menghidap penyakit saraf di kedua-dua kakinya, keluarga dan rakan adalah pihak yang sentiasa membantunya sepanjang pengajian kerana beliau terpaksa berkerusi roda untuk ke kuliah.

Bagi anak sulung daripada lima beradik itu, kejayaannya itu pemangkin semangat buat adik bongsunya yang juga seorang OKU dan sedang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2015.

"Saya pernah hampir berputus asa kerana sedar diri ini serba kekurangan dan menyusahkan pelbagai pihak namun, dorongan dan sokongan tanpa henti daripada keluarga dan rakan-rakan membuatkan saya kuat.

"Cabaran yang paling sukar untuk ditempuh adalah mentaliti diri sendiri namun saya perlu buktikan kepada semua bahawa biarpun saya berkerusi roda, saya juga mampu berjaya," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau antara 7,065 graduan UPM yang menerima ijazah dalam majlis konvokesyen di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di universiti itu.

Dalam pada itu, **Siti Sarah Zokifli**, 30, berkata, kejayaan menggenggam



**NURBAITUL IZZAH NORDIN** (duduk) berkongsi kegembiraan bersama adiknya, **Mohd. Hakim Nordin** serta dua ibu saudaranya, **Nafisah Ibrahim** (berdiri tengah) dan **Norawati Ibrahim** (kanan) selepas menerima Ijazah Sarjana Muda Biologi dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke- 39 di Kuala Lumpur, dekat Serdang, semalam.

segulung ijazah hari ini menjadi bukti kepada pihak-pihak yang pernah mencemooh dan menghina beliau satu ketika dahulu dan ini merupakan pembakar semangat untuk terus berjaya ke peringkat yang lebih tinggi.

Bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi itu, statusnya sebagai ibu tunggal dan tidak berkemampuan membuatkan pelbagai pihak seolah-olah memandang rendah terhadapnya.

"Ramai pihak yang menganggap saya tidak akan berjaya namun saya berjaya menangkis persepsi mereka. Saya berusaha demi anak saya kerana saya mahu kejayaan ini menjadi teladan buatnya.

"Pengalaman bekerja sebagai pembantu rumah dan penjual kuih demi mencari wang pengajian tidak akan saya lupakan dan itulah sebabnya yang menjadi pemangkin semangat untuk saya," katanya.

## MENERIMA IJAZAH



**PRO Cancellor UPM, Datuk Setia Dr. Nayan Ariffin** menyampaikan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan kepada **Norhashimah Abd. Jalil** dalam Majlis Konvokesyen UPM Ke-39 di UPM Serdang, dekat Kuala Lumpur, semalam.